

20 JUN 1998

Mahathir-Buku

UMNO AKAN SIASAT BUKU BURUK-BURUKKAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata parti itu akan menyiasat sama ada kandungan dalam sebuah buku yang memburuk-buruk timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai asas.

Perdana Menteri berkata Umno juga ingin mengetahui motif buku itu ditulis.

"Kita nak tahu siapa buat, kenapa dia buat dan sama ada apa yang dinyatakan itu mempunyai asas ataupun sama ada tuan punya premis itu terlibat," kata Dr Mahathir pada persidangan media pada akhir hari kedua Perhimpunan Agung Umno di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan wakil Umno Negeri Sembilan Ruslan Kassim yang memberitahu perhimpunan itu yang dia mempunyai bukti siapa di belakang penerbitan buku itu yang dilarang pengedarannya menerusi perintah mahkamah sehari sebelum perhimpunan agung.

Menurut Ruslan, beliau mempunyai bukti bahawa penulisan buku itu "didukung kerabat dalam parti kita dan penerbitnya menyewa sebuah premis perniagaan milik kerabat kita dalam parti Umno."

Menurut kenyataan peguamcara Anwar, Tetuan Faiz and Co buku berjudul "50 Dalil Kenapa Anwar Tidak Boleh Jadi Perdana Menteri" itu diterbitkan oleh Media Pulau Legenda dan ditulis oleh Khalid Jafri.

Mengenai dakwaan Ruslan bahawa beberapa petugas di pejabat urusetia ibu pejabat parti juga terlibat dengan pengedaran buku itu, Dr Mahathir berkata pejabat urusetia akan menyiasat perkara itu.

Ketika ditanya sama ada tindakan akan diambil terhadap mana-mana anggota Umno yang terlibat dengan pencetakan dan pengedaran buku itu, Dr Mahathir berkata ia terpulang kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti.

Jawatankuasa itu dipengerusikan Anwar.

Ketika ditanya sama ada pihak yang bertanggungjawab dalam pencetakan dan pengedaran buku itu akan ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negari (ISA), beliau berkata: "Kita tak guna ISA macam itu."

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata ISA digunakan terhadap mereka yang terlibat dengan dadah dan kes penipuan seperti passport dan sebagainya.

Katanya, kini tiada ahli politik yang menjadi tahanan ISA.

"Malangnya apabila seorang ahli politik dihadapkan ke mahkamah, itu pun tak kena juga.

"Kalau ahli politik itu daripada parti lawan, dia nampak seolah-olah seorang yang istimewa, tidak boleh ditahan di bawah ISA, tidak boleh dihadapkan ke mahkamah. Itu (bawa ke mahkamah) pun salah," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

ES NMO